

26/08/2002

Golongan hawa mungkin kuasai masa depan negara

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, masa depan negara ini mungkin akan ditentukan oleh wanita dan bukannya lelaki memandangkan semakin ramai wanita berjaya apatah lagi jumlahnya jauh lebih banyak di institusi pengajian tinggi.

Perdana Menteri berkata, sedikit demi sedikit, "serangan" wanita mencapai kemajuan sehinggakan kebanyakan jawatan penting dalam kerajaan termasuk Ketua Setiausaha Kementerian, dipegang oleh wanita.

"Wanita Malaysia sudah membuktikan kemampuan mereka, termasuklah untuk pandu jet pejuang. Apakah golongan lelaki tidak berasa malu? Adakah mereka ingin balik ke rumah untuk masak lauk dan nasi sedangkan isteri yang mencari nafkah untuk mereka?" katanya berucap melancarkan sambutan Hari Wanita 2002 di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, penguasaan wanita dapat dilihat dengan jelas di institusi pengajian tinggi.

Beliau berkata, jumlah penuntut wanita di institusi pengajian tinggi hari initerlalu ramai iaitu antara 60 peratus dan 70 peratus berbanding hanya antara 30 peratus dan 35 peratus penuntut lelaki.

Dr Mahathir berkata, keadaan itu disebabkan oleh sifat wanita yang bukan saja tekun dan gigih malah mempunyai perasaan bertanggungjawab dan sanggup merebut peluang yang disediakan.

Perdana Menteri berkata, apabila peluang sama diberikan kepada wanita dan lelaki, yang sanggup merebut peluang itu ialah wanita manakala lelaki kurang berminat untuk merebut peluang, dalam apa juga bidang.

"Dulu, masa saya di universiti, tidak ada pilihan...hanya seorang wanita Melayu (Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali). Alhamdulillah, saya tak komplek. Satu pun jadilah, saya bukan nak cari banyak.

"Hari ini, 30-35 peratus lelaki boleh pilih antara 60-70 peratus wanita..sepatutnya mereka lebih gemar pergi universiti. Tetapi, hingga sekarang, tidak ada respon (daripada lelaki) apabila kita desak mereka supaya belajar bersungguh-sungguh supaya dapat ke universiti," katanya.

Beliau berkata orang lelaki juga pandai, bijak dan pintar. Namun orang yang bijak, pandai dan pintar sekali pun, tetapi tidak berusaha menerapkan ilmu, tetap tidak layak untuk kerja tertentu, katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu membimbangkan kerana negara memerlukan keseimbangan tenaga wanita dan lelaki untuk membangunkan masyarakat dan negara.

Hanya dengan keseimbangan itu, kata Dr Mahathir, negara dapat menggerakkan tenaga sepenuhnya terutama mengatasi serangan secara langsung atau tidak pihak tertentu yang ingin kembali menjajah negara.

Dr Mahathir berkata, persaingan yang bertambah sengit hari ini menyebabkan peranan wanita tidak dapat diasingkan untuk sama-sama menyumbang kepada pemba-ngunan masyarakat dan negara.

Lebih-lebih lagi, katanya, dalam keadaan kebanyakan masyarakat dan negara lain hari ini turut mengiktiraf sumbangan wanitanya dalam pembangunan rakyat dan negara.

"Justeru, jika kita asingkan wanita, ketepikan wanita, tidak beri peranan kepada mereka, sudah tentu tenaga masyarakat kita akan kurang separuh. Ini kerana hanya kaum lelaki yang akan mainkan peranan dan menyumbang kepada pembangunan negara sedangkan wanita tidak dapat menyumbang.

Apabila kita kurang tenaga dengan mengasingkan wanita ini, tidak dapat

tidak kita akan jadi lebih lemah daripada kaum lain, negara lain, yang mana wanita diberi peranan sepenuhnya," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, di Malaysia, wanita tidak diasing dan diketepikan sebaliknya mengiktiraf tenaga dan kecekapan mereka supaya sama-sama berganding bahu dengan lelaki untuk menyumbang dan membangunkan negara.

Malah, Dr Mahathir berkata, sejak dulu lagi, wanita di negara ini memainkan peranan dalam kemajuan ekonomi kaum dan masyarakat di negara ini.

"Di kebanyakan negeri, terutama di pantai timur, yang menjual barangan di pasar adalah wanita. Jarang sekali kita lihat lelaki `kelepok' (bersimpuh) atas pasar jual barangan di pantai timur.

"Jika hentikan usaha wanita ini, saya yakin, si suami tak akan dapat makan yang cukup kerana mereka bergantung kepada pendapatan isteri atau anak perempuan mereka. Ini kenyataan dan perlu diakui. Oleh itu, jangan perkecilkan peranan wanita dalam ekonomi rumah tangga, apatah lagi ekonomi masyarakat," katanya.

Dr Mahathir berkata, peranan wanita tidak kecil sebaliknya ia menentukan kebahagiaan banyak keluarga di negara ini.